
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2006/2007

April 2007

HGM 237 – GEOGRAFI BANDAR DAN METROPOLITAN

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Huraikan alasan mengapa perkembangan pemikiran geografi bandar kontemporari perlu bertunjangkan fenomena globalisasi serta urbanisasi.

[25 markah]

2. SAMA ADA

- [a] Menurut IBRD (2000), bandar raya yang sejahtera dan dinamik adalah komponen penting pertumbuhan ekonomi yang lestari. Berdasarkan pengalaman bandar raya tertentu di Malaysia, huraikan sejauhmana pernyataan ini betul.

[25 markah]

ATAU

- [b] Kawasan dalaman bandar raya lazimnya berdepan dengan masalah pemeliharaan warisan atau tinggalan sejarah. Huraikan bagaimana pemeliharaan warisan dan pemuliharaan bangunan tinggalan sejarah boleh dijadikan alat pembangunan ekonomi kawasan dalaman bandar raya di Malaysia.

[25 markah]

3. SAMA ADA

- [a] Jelaskan maksud ekonomi global dan seterusnya huraikan mengapa ekonomi bentuk ini semestinya disusun dan diuruskan dengan berpaksikan bandar raya?

[25 markah]

ATAU

- [b] Umum dipersetujui bahawa bandar raya global adalah juga bandar raya dunia tetapi tidak sebaliknya. Merujuk kepada contoh-contoh tertentu, bincangkan pernyataan ini dengan menjelaskan perbezaan di antara peranan bandar raya global dengan bandar raya dunia.

[25 markah]

4. Menurut Short dan Kim (1999), pengindahan dan pembudayaan bandar raya dalam era globalisasi boleh dikaitkan dengan manipulasi imej dan pemasaran tempat. Bincangkan pernyataan ini dengan merujuk kepada usaha Kuala Lumpur untuk menonjolkan imej baru berdasarkan pembangunan projek mega.

[25 markah]

5. Jelaskan maksud “perkampungan bandar” menurut Leinberger (2001) dan seterusnya huraikan kekuatan dan kelemahan konsep ini sebagai rangka kerja untuk menjelaskan pembentukan kawasan metropolitan di negara maju.

[25 markah]

6. Menurut Lang (2003), bentuk kawasan metropolitan memperlihatkan suatu kompromi di antara kuasa pemusatan dengan penyahpusatan. Merujuk kepada contoh-contoh tertentu, huraikan pengaruh yang menentukanimbangan di antara dua kuasa ini.

[25 markah]

7. Kelestarian bandar raya dan kawasan metropolitan ditentukan oleh sistem pengangkutan awam dan pola penggunaan kereta persendirian dalam sesebuah negara. Bincangkan pernyataan ini.

[25 markah]